



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

**KKR SAMBUT BAIK HASRAT PERDANA MENTERI DALAM MEMPERKASA
EKONOMI MADANI**

KUALA LUMPUR - Kementerian Kerja Raya (KKR) menyambut baik seruan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah melancarkan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat sebagai kerangka ekonomi Malaysia yang baharu. KKR sebagai peneraju sektor pembangunan pembinaan dan infrastruktur negara akan terus memperkasakan usaha dalam menjadikan sektor pembinaan berkembang pesat dalam merealisasikan pencapaian cemerlang Ekonomi Madani ini.

KKR akan terus komited untuk merancakkan semula sektor pembinaan serta 196 rangkaian bekalan (subsektor) di bawahnya. Antara strategi yang telah dilaksanakan oleh KKR adalah dengan mempercepatkan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) kepada syarikat-syarikat yang terpilih dalam proses Perolehan Kerajaan. KKR telah mensasarkan sebanyak 270 SST dikeluarkan sehingga akhir tahun ini. Jumlah ini adalah jumlah sasaran bagi projek di seluruh Malaysia.

Menerusi penyerahan SST ini, secara tidak langsung dapat membantu dari sudut ekonomi golongan kontraktor daripada pelbagai kelas termasuk kontraktor kecil G1 hingga G4. Projek pembangunan yang dilaksanakan adalah selaras dengan misi utama dan objektif Kerajaan dalam mempromosikan keseimbangan di antara wilayah dan merentangi ekonomi yang seimbang di antara bandar dan luar bandar.

Infrastruktur jalan raya yang sempurna adalah menjadi tanggungjawab utama KKR dan isu keselamatan jalan raya khususnya di Jalan Persekutuan seluruh negara adalah diberikan perhatian utama. Kementerian ini ada melaksanakan Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya yang telah diluluskan pada Rolling Plan 2, RMKe-11 dengan siling peruntukan berjumlah RM241.5 juta dan diteruskan pelaksanaannya dalam RMKe-12 dengan empat (4) skop utama iaitu;

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY ✉ PRO@KKR.GOV.MY 📍 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📞 [KKR_MALAYSIA](https://www.facebook.com/KKR_MALAYSIA) 📱 [@MOWORKS](https://www.instagram.com/MOWORKS) 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

1. Rawatan di lokasi kerap berlaku kemalangan (Blackspot) di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia; 264 lokasi telah dilaksanakan dengan peruntukan RM76.3 Juta.
2. Pembinaan jejantas pejalan kaki di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia; 18 buah jejantas telah siap dibina dengan peruntukan RM56.6 Juta dan 6 sedang dalam pembinaan.
3. Pembinaan Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat (LPKSI) di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia, 114 lokasi telah dilaksanakan dengan peruntukan RM27.4 Juta dan;
4. Pemasangan lampu jalan di kawasan kemalangan atau berisiko kemalangan di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia; 148 lokasi telah dilaksanakan dengan peruntukan RM15 Juta.

Dalam meningkatkan kemahiran tenaga kerja binaan, KKR menerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) juga menyediakan peluang latihan kemahiran kepada personnel binaan dan belia tempatan di dalam bidang kemahiran berimpak tinggi seperti kimpalan, mekanikal dan elektrik, pemasangan perancah dan pemasangan paip, di Akademi Binaan Malaysia. Di samping itu juga CIDB menyediakan latihan di dalam Building Information Modelling (BIM), selaras dengan usaha pendigitalan industri pembinaan.

Bagi merancakkan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat, KKR akan terus melaksanakan Dasar Pembinaan Negara 2030 dan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalanraya 2030 (HNDP).

KKR juga akan terus mengambil langkah proaktif dan mengandakan pelbagai inisiatif untuk mengimbangi pertumbuhan dengan konsolidasi fiskal yang mempunyai impak secara langsung kepada rakyat, penggiat industri pembinaan dan pembangunan sektor pembinaan itu sendiri dalam mencapai hasrat dan kejayaan Ekonomi Madani.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

29 Julai 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur